

Headline	Program ganyang dadah perlu berterusan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	45	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,228
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,684



# Program ganyang dadah perlu berterusan

**SUNGAI BESAR** – Semua Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam program pencegahan dan pemulihan dadah dalam persatuan masing-masing digesa supaya bergiat aktif dalam membasmi gejala itu secara berterusan.

Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi berkata, program-program sebagai usaha ganyang dadah perlu diadakan berterusan dan bukan bermusim bagi memastikan matlamat negara bebas pengaruh dadah dapat dicapai.

Menurutnya, antara NGO yang berperanan dalam usaha menggerakkan ahli-ahlinya itu termasuklah Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) Daerah Sabak Bernam dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pepadam) Sabak Bernam.

“NGO boleh bekerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam usaha mengekang gejala ini daripada terus berleluasa hingga merosakkan nilai dalam kehidupan bermasyarakat,” katanya pada Program Pemulihan Dalam Komuniti 2014 di Dewan Kancil, Bangunan Dato’ Ramli Sungai Besar.

Budiman memberitahu, tanggungjawab tersebut bukan sahaja terletak di bahu kerajaan semata-mata, tetapi peranan lebih aktif perlu ditangani oleh pertubuhan sukarela tersebut.

“Pembabitian dengan dadah berkaitan dengan virus HIV hingga mengakibatkan penyakit AIDS sebagai gejala sosial yang perlu dipandang serius semua pihak,” katanya.

Sehubungan itu, Budiman memberitahu, kemahiran pentadbiran serta ilmu pengurusan yang diperoleh NGO daerah membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab yang lebih efisien bagi menangani langkah langkah pencegahan.

Menurutnya, JKPD dan Pepadam daerah yang diberi kepercayaan oleh kerajaan, harus mempergiatkan pelbagai aktiviti seperti ceramah, kempen pencegahan, dan kesedaran kepada masyarakat.

“Pelibatan NGO amat penting bagi membolehkan bekas penagih menyesuaikan diri dalam masyarakat setelah keluar dari pusat serenti selain memulihkan bekas penagih agar menjalani kehidupan normal,” katanya.

Selain itu, katanya, sokongan padu dan berterusan anggota masyarakat dapat membantu golongan bekas penagih yang dirawat di pusat serenti membebaskan diri daripada pengaruh najis dadah.

“Dalam keadaan bilangan penagih kini semakin bertambah, masyarakat perlu menyedari hakikat bahawa ada tanggungjawab memerangi gejala itu di negara ini,” katanya.

Headline	Program ganyang dadah perlu berterusan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	45	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,228
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,684



**Budiman bersama ahli JKPD dan Pemadam Daerah bergambar dengan peserta yang hadir pada Program Pemulihan Dalam Komuniti 2014 di Dewan Kancil, Bangunan Dato' Ramli Sungai Besar.**